



Majlis Daerah Lubok Antu

Pelan Strategik

2021 - 2025



Towards Sustainable Living Environment



Disediakan oleh
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU



Edisi 1.0, 2017 (Pindaan 1/2025)

© 2025, Majlis Daerah Lubok Antu Hak Cipta terpelihara.

Sebarang pertanyaan mengenai dokumen ini hendaklah dialamatkan kepada:-

Setiausaha
MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU
Jalan Penghulu Imong Ak. Awan
95800 Engkilili,
Bahagian Sri Aman
SARAWAK
Tel : 083-563 015 Fax : 083-563 144
Laman Web: <http://www.lubokantudc.sarawak.gov.my>
E-mail: mdla@sarawak.gov.my

Perutusan Pengerusi Majlis



Salam sejahtera.

Tahun 2021 – 2025 merupakan tempoh yang amat bermakna dalam halatuju Majlis Daerah Lubok Antu. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-13) dan perspektif pembangunan Kerajaan Sarawak memberi impak yang signifikan ke atas operasi, program dan aktiviti yang bakal dijalankan oleh pihak Majlis. Diantara fokus utama RMK-13 adalah untuk mentransformasikan luar bandar.

Di peringkat Negeri Sarawak, tempoh ini menyaksikan penetapan perspektif pembangunan baru untuk mempersiapkan Sarawak sebagai Negeri Maju menjelang 2030. Transformasi Sarawak melalui tiga pelan transformasi, iaitu Pelan Transformasi Sosio-ekonomi, Pelan Transformasi Luar Bandar dan Pelan Transformasi Prestasi dan Penyampaian Perkhidmatan, memberi halatuju strategik untuk membuat lonjakan ke arah pembangunan ekonomi digital.

Sebagai agensi pelaksana di peringkat akar umbi, agenda peringkat nasional dan negeri, secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi halatuju strategik Majlis. Halatuju strategik di peringkat Kerajaan Negeri dan Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak memerlukan Pihak Berkuasa Tempatan untuk sentiasa secara konsisten responsif untuk kekal relevan dalam menyedia dan menyampaikan perkhidmatan yang berorientasikan kepada aspirasi rakyat.

Selaku Pengerusi Majlis Daerah Lubok Antu, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan satu pasukan kerja dan kepimpinan berprestasi tinggi terus dikekalkan dikalangan Ahli-ahli Majlis dan pihak pengurusan Majlis. Perlu untuk warga Majlis untuk membentuk synergy yang kukuh bagi membolehkan jalinan strategik dan *partnership* dapat terus dikekalkan dengan pihak *stakeholders*, pelanggan Majlis dan rakyat dalam Daerah Lubok Antu.

Adalah diharapkan Pelan Strategik Majlis Lubok Antu 2021 – 2025 ini akan digunakan sepenuhnya sebagai *blueprint* dalam membuat keputusan dan operasi Majlis. Justeru itu, Pelaksanaan program, projek dan aktiviti hendaklah mengambil kira pelan tindakan yang telah dikenalpasti untuk memastikan ianya menjurus untuk mencapai visi yang telah ditetapkan.

Dengan peluang ini saya merakamkan tahniah dan syabas kepada pasukan pengurusan Majlis Daerah Lubok Antu yang telah membuat analisa dan

pertimbangan yang menyeluruh dalam menggubal pelan strategik yang realistik untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun akan datang. Jadikanlah dokumen ini sebagai *roadmap* dan kompas dalam usaha untuk memajukan persekitaran kehidupan lestari dalam Daerah Lubok Antu.

Sekian, terima kasih

“BERSATU, BERUSAHA, BERBAKTI”

An Honour To Serve

AKOI ANAK EJAU
Pengerusi
MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU

Kata Aluan Daripada Setiausaha Majlis



Salam sejahtera.

Perubahan mengganggu (*disruptive change*) memerlukan pendekatan holistik dalam merangka halatuju strategik yang responsif kepada perubahan dalam Abad Ke-21. Penyediaan Pelan Strategik Majlis Lubok Antu 2021 – 2025 ini mengambil kira iklim perubahan dalam dimensi politik, ekonomi, sosial, teknologi, perundangan dan alam sekitar. Dalam menyedia pelan strategik ini, rujukan dan penjajaran (*alignment*) telah dibuat dengan halatuju strategik Kerajaan Sarawak untuk mewujudkan

“*high income economy and quality of life*” menjelang 2030, visi Perkhidmatan Awam Sarawak sebagai “*World Class Civil Service*” dan visi Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak untuk mewujudkan persekitaran kehidupan lestari untuk semua (*sustainable living environment for all*). Konsep pengurusan prestasi strategik yang diamalkan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) seperti *Balanced Scorecard* (BSC) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah diterapkan untuk *cascade* konsep-konsep ini dalam menentukan halatuju strategik dan pelan tindakan strategik Majlis.

Penyediaan pelan strategik ini juga telah menetapkan fokus kepada beberapa *Local Key Result Areas* dalam 5 tema strategik. Lima tema strategik ini ialah perkhidmatan perbandaran; penguatkuasa; pengurusan program dan projek; pembangunan komuniti, dan tadbir urus yang baik dan pematuhan peraturan (*municipal services, enforcement, program and project management, community development and good governance and regulatory compliance*).

Pencapaian prestasi cemerlang dalam pelan strategik ini memerlukan setiap warga kerja dalam semua peringkat struktur organisasi, jawatankuasa tetap dan Ahli-ahli Majlis untuk memperkasakan semangat *teamwork*, perkongsian maklumat yang cepat dan tepat dan dedikasi serta komitmen yang tinggi. Justeru nilai bersama dalam SCS 10 – 20 Action Plan telah diterimapakai sebagai landasan pembentukan dan pengukuhan budaya kerja cemerlang dalam organisasi Majlis. Adalah diharapkan pencapaian KPI yang telah disasarkan dapat diperbaiki dari semasa ke masa.

Sebagai sebuah Majlis yang kecil dan peruntukkan kewangan yang terhad, usaha untuk merealisasikan visi Majlis Daerah Lubok Antu, “*towards sustainable living environment*”, memerlukan kerjasama dan sokongan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menyalur dana dan peruntukkan yang diperlukan.

Tahniah dan syabas kepada semua pasukan pengurusan Majlis yang telah menyumbang idea, perspektif dan maklumat melalui perbincangan dan analisis semasa proses penggubalan pelan strategik ini. Sebagai dokumen yang hidup,

semakan akan dibuat ke atas dokumen ini setiap tahun sehingga tahun 2025. Harapan saya, semoga niat dan aspirasi semua kita untuk mewujudkan persekitaran kehidupan lestari di Daerah Lubok Antu akan mudah tercapai dengan adanya *blueprint* ini.

Sekian, terima kasih.

‘BERUSAHA BERSATU, BERBAKTI’

An Honour To Serve

TING TIEW LIK
Setiausaha Majlis
MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU

"Coming together is a beginning. Keeping together is progress. Working together is success."

--Henry Ford

SINOPSIS DOKUMEN

BAB 1: LATAR BELAKANG MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU

- Menghuraikan sepintas lalu sejarah, punca kuasa, fungsi teras dan organisasi Majlis Daerah Lubok Antu.

BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN ORGANISASI

- Menjelaskan persekitaran dalaman dan luaran organisasi Majlis Daerah Lubok Antu melalui analisa S.W.O.T dan analisa P.E.S.T.L.E.

BAB 3: ANALISA PELANGGAN DAN STAKEHOLDER

- Mengenalpasti kumpulan pelanggan dan stakeholders Majlis Daerah Lubok Antu dan mencadangkan nilai dalam berurusan dengan mereka.

BAB 4: HALATUJU STRATEGIK MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU 2021 - 2025

- Menjelaskan visi, misi, nilai teras bersama dan tema serta hasil strategik yang akan menjadi tumpuan dalam 4 tahun akan datang.

BAB 5: PELAN TINDAKAN STRATEGIK DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2021 – 2025

- Menyatakan tindakan strategik dalam melaksanakan strategi utama ke arah merealisasikan objektif strategik. Kejayaan pelan tindakan strategik diukur melalui KPI.

BAB 6: PENILAIAN PRESTASI

- Memaparkan templat penilaian prestasi dalam bentuk scoreboard dan penggunaan kod warna untuk memantau prestasi.

BAB 7: PENGURUSAN PELAN STRATEGIK

- Menghuraikan perkara-perkara dan tindakan yang perlu diberi perhatian dalam menjayakan pelan strategik ini.

BAB 8: MELANGKAH KEHADAPAN

- Menjelaskan isu dan cabaran yang mungkin perlu dihadapi dalam pelaksanaan pelan ini sehingga 2025.

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Perutusan Pengerusi Majlis	3 – 4
Kata Aluan Setiausaha Majlis	5 – 6
Sinopsis Dokumen	7
Kandungan	8 – 9
BAB 1: LATARBELAKANG MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU	10 - 21
1. Sejarah Majlis Daerah Lubok Antu	11
2. Struktur Organisasi	11 – 12
3. Punca Kuasa	13 – 14
4. Fungsi	14 – 19
4.1. <i>Carta Organisasi</i>	20
4.2. <i>Carta Fungsi</i>	21
BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN	22 – 25
1. Persekitaran Organisasi	23
1.1. <i>Analisa S.W.O.T</i>	23
1.2. <i>Analisa P.E.S.T LE</i>	24 - 25
BAB 3: ANALISA PELANGGAN DAN STAKEHOLDERS	26- 30
1. Analisa Pelanggan dan Stakeholders	27
2. Pelangan	27
3. <i>Stakeholders</i>	28 - 29
4. Cadangan Nilai Pelanggan- <i>Stakeholders</i>	29– 30
BAB 4: HALATUJU STRATEGIK	31 – 43
1. Halatuju Strategik Majlis Daerah Lubok Antu	32
2. Latarbelakang Penetapan Halatuju Strategik	33 – 34
3. Visi dan Misi	34 - 35
4. Nilai Teras Bersama	35 – 37
5. Tema Strategik dan Hasil Strategik	38

6. Objektif Strategik	39
7. Bidang Fokus Utama (LKRA)	39
8. Strategi Utama	39– 43
BAB 5: PELAN TINDAKAH STRATEGIK DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2021 - 2025	44- 59
1. Pelan Tindakan Strategik	46
2. Petunjuk Prestasi Utama	46
3. Transformasi Sarawak	46
4. Jadual Pelan Tindakan Strategik dan KPI 2021 – 2025	47– 59
BAB 6: PENILAIAN PRESTASI	60 – 73
1. Penilaian Pelan Strategik	61
2. <i>Scoreboard</i> Prestasi	62
3. <i>Scoreboard</i> Prestasi Tahunan	63 – 73
BAB 7: PENGURUSAN STRATEGI	75 – 78
1. Pengurusan Pelan Strategik	76
2. Mekanisme Pelaksanaan	76
3. Sekretariat Perancangan Strategik	77
4. Pelaksanaan Pelan Strategik	77 – 78
BAB 8: MELANGKAH KEHADAPAN	79- 81
1. Melangkah Ke hadapan	80
2. Transformasi Masa Depan	80 – 81
3. Kesimpulan	81
LAMPIRAN LKRA AHLI MAJLIS	82- 95
PENGHARGAAN	96

BAB 1


LATAR BELAKANG MAJLIS DAERAH LUBOK ANTU



1. Sejarah Majlis Daerah Lubok Antu

Majlis Daerah Lubok Antu merupakan sebuah organisasi kerajaan tempatan yang ditubuhkan di bawah Local Authorities Ordinance, 1956 di bawah kuasa-kuasa Kerajaan Negeri. Ia merupakan suatu peringkat Kerajaan yang berasingan dan mempunyai kuasa-kuasa tertentu antara yang penting seperti kuasa mengadakan undang-undang kecil (by-laws) daripada enakmen-enakmen dan ordinan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri; kuasa mengutip cukai taksiran, kadar sewa dan lain-lain; dan kuasa mengadakan autonomi kewangan.

Sejarah Majlis Daerah Lubok Antu bermula pada tahun 1957 dengan ibu pejabat yang terletak di Pekan Engilili dan sebuah pejabat kecil yang terletak di pekan Lubok Antu. Sebagai sebuah organisasi yang terletak di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam, Sarawak. Majlis ini juga bertanggungjawab terhadap perancangan dan pembangunan luar bandar di Daerah Lubok Antu yang mempunyai kawasan hanya seluas 2,338.00 kilometer persegi pada masa itu. Walaubagaimanapun, jumlah keluasan pada hari ini ialah 3,142.55 kilometer persegi.



2. Struktur Organisasi

Majlis Daerah Lubok Antu diketuai oleh seorang Pengerusi Majlis yang dilantik oleh TYT Negeri Sarawak. Seramai 32 ahli-ahli Majlis yang mewakili parti politik pemerintah dilantik oleh TYT Negeri Sarawak sebagai wakil dalam Majlis Daerah Lubok Antu.

Timbalan Pengerusi Majlis dilantik di kalangan ahli-ahli Majlis. Di Majlis Daerah Lubok Antu, Pegawai Daerah Lubok Antu dilantik secara automatik mengikut Seksyen 12(2) dan (3), Ordinan Kuasa Tempatan, 1996.

Majlis menetapkan dasar dan membuat keputusan penting melalui Mesyuarat Majlis Penuh dan pelbagai Jawatankuasa Tetap Majlis. Kuasa Majlis adalah seperti yang ditetapkan dalam Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996.

Jawatankuasa-jawatankuasa tetap Majlis adalah:-

- i) Jawatankuasa Kewangan dan Perjawatan;
- ii) Jawatankuasa Kesihatan Awam, Perlesenan dan Persekitaran;
- iii) Jawatankuasa Kerja Awam dan Pembangunan;
- iv) Jawatankuasa Pembangunan Komuniti dan Pelancongan;
- v) Jawatankuasa Tender;
- vi) Jawatankuasa Pembukaan Tender.

Pentadbiran/Pengurusan Operasi Majlis Daerah Lubok Antu diketuai oleh Setiausaha Majlis sebagai Ketua Pegawai Tadbir (Chief Administrative Office – CAO). Setiausaha Majlis Daerah Lubok Antu dilantik mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 37 Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 dan selepas berunding dengan Setiausaha Kerajaan Negeri. (*The Chief Administrative Officer of all other local authorities shall be the Secretary of the local authority concerned who shall be appointed in accordance with the regulations made under section 37 and after consultation with the State Secretary*) Setiausaha Majlis dibantu oleh seorang Penolong Setiausaha bagi memperkasa pengurusan fungsi Majlis. Enam bahagian strategik organisasi diwujudkan untuk menjalankan fungsi teras dan fungsi sokongan Majlis. Setiap bahagian diketuai oleh Ketua Bahagian yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan fungsi dan aktiviti di bawah bahagian masing-masing.

Dalam organisasi Majlis, pihak pengurusan atasan terdiri daripada pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional seperti Setiausaha dan Penolong Setiausaha yang bertanggungjawab ke atas prestasi keseluruhan organisasi dalam merealisasikan visi dan misi Majlis. Pengurusan pertengahan (middle management) yang bertanggungjawab untuk merealisasikan objektif strategik bahagian terdiri daripada ketua-ketua bahagian. Penyelarasan aktiviti-aktiviti di diketuai oleh ketua seksyen yang menjalankan tugas-tugas penyeliaan dan pengurusan barisan hadapan (frontline management).

2.1. Carta Organisasi

Carta organisasi menjelaskan secara grafik perjawatan dan kedudukan pegawai dan kakitangan dalam strata organisasi. Hubungan kuasa dan rangkaian arahan (chain of command) dijelaskan melalui peringkat dan hubungkait dalam carta organisasi.

Rajah 1: Carta Organisasi Majlis Daerah Lubok Antu menunjukkan struktur organisasi yang terkini Majlis.

3. Punca Kuasa

Majlis Daerah Lubok Antu melaksanakan kuasa untuk mentadbir kawasan-kawasan di bawah jagaannya menurut kuasa undang-undang yang termaktub di bawah Local Authorities Ordinance 1996 dan undang-undang lain berkaitan serta Undang-Undang Kecil Majlis Tempatan (Council By-Laws) yang digubal dan termaktub dalam Ordinan yang sama.

Ordinan, Undang-undang Kecil, Akta dan Peraturan:-

1. Building Ordinance, 1994
2. The Building (Exemption) Order, 1996
3. The Local Authorities Ordinance, 1996
4. (Storage of Petroleum) By-laws, 1962
5. (Hawking) (Amendment) By-laws, 1994
6. (Licensing of Miscellaneous Occupations) (Amendment) By-laws, 1994
7. The Protection of Public Health (Barbers' and Hairdressers' Shop) Regulations, 2003
8. The Protection of Public Health (Licensing of Hotels and Lodging Houses) Regulations, 2003
9. The Public Health Ordinance (Laundries) By-laws, 1962
10. The Entertainment By-Law, 2001
11. Local Authority Rating Regulation 1997
12. The Entertainment Ordinance, 2000
13. Market By-Law (Amendment) 1993
14. The local Authorities (Reflexology and Health Establishment) By-Laws, 2009
15. The local Authorities (Compounding of Offences) By-laws, 1999
16. Cleanliness By-laws, 1999
17. The Protection of Public Health Ordinance 1999
18. Sarawak Land Code (Cap. 81)
19. Local Authorities Ordinance, 1996 (Cap. 20)
20. The Local Authorities Financial Regulation 1997
21. Treasury Instructions.
22. The Protection of Public Health (Licensing of Hotels and Lodging Houses) Regulations, 2003
23. The Public Health Ordinance (Laundries) By-laws, 1962
24. The Entertainment By-Law, 2001
25. The Entertainment Ordinance, 2000
26. Market By-Law (Amendment) 1993

27. The local Authorities (Reflexology and Health Establishment) By-Laws, 2009
28. The local Authorities (Compounding of Offences) By-laws, 1999
29. Peraturan-peraturan Makanan 1985
30. Food (Advertisement) Act, 2001
31. Akta Permusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2004
32. The Local Authorities Service Regulation 2000
33. Peraturan-peraturan Perpustakaan, 1999
34. Arahan Keselamatan
35. The Public Service Commission Rules, 1996
36. Akta Pengangkutan Jalan, 1983
37. Akta Pemberi Pinjaman Wang, 1951. (Akta 400).

4. Fungsi Majlis Daerah Lubok Antu

Penubuhan Majlis Daerah Lubok Antu adalah untuk menjalankan fungsi-fungsi tertentu seperti mana yang ditetapkan dalam Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996. Fungsi Majlis dibahagikan kepada fungsi teras dan fungsi biasa. Fungsi teras merujuk kepada fungsi yang unik kepada organisasi Majlis, dan fungsi sokongan merupakan fungsi biasa yang memberi sokongan kepada fungsi teras dan biasanya terdapat dalam mana-mana organisasi kerajaan.

Fungsi teras dan fungsi sokongan dijalankan oleh bahagian-bahagian tertentu dalam organisasi Majlis. Justeru setiap bahagian dalam organisasi Majlis bertanggungjawab untuk melaksanakan program, projek dan aktiviti dalam setiap fungsi yang telah ditetapkan.

4.1. Pelaksanaan Fungsi dalam Majlis Daerah Lubok Antu:-

Fungsi Teras:-

1. Bahagian Penilaian dan Pengurusan Harta
2. Bahagian Kejuruteraan.
3. Bahagian Penguatkuasa.
4. Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar.
5. Bahagian Pembangunan Komuniti.

Fungsi Sokongan:-

1. Bahagian Khidmat Pengurusan:-

4.2. Fungsi dan Aktiviti Utama Mengikut Bahagian.

Bahagian	Fungsi dan Aktiviti Utama
Bahagian Penilaian dan Pengurusan Harta	Penilaian Pegangan Berkadar:- • Menilai semula pegangan berkadar. Pengurusan Cukai:- • Menyediakan bil-bil cukai taksiran • Menyediakan laporan kutipan cukai bulanan dan tahunan. • Pengurusan tuntutan tunggakan cukai • Menyediakan anggaran hasil cukai bagi belanjawan tahunan • Menguruskan bayaran kadar dari agensi-agensi kerajaan. • Memproses permohonan pengecualian dan pengurangan cukai taksiran.
Bahagian Kejuruteraan	Pengurusan Projek • Pelaksanaan projek pembangunan. • Mengurus dokumen tender dan kontrak. • Memantau pelaksanaan projek. • Menyediakan laporan prestasi projek-projek pembangunan Penyelenggaraan Infrastruktur dan Fasiliti • Penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan seperti jalan raya, parit / longkang, jambatan, lampu jalan, taman-taman, dan bangunan • Mengurus kerja-kerja penyelenggaraan Kawalan Bangunan:- • Memproses permohonan pelan bangunan dan pengeluaran sijil layak menduduki bangunan.
Bahagian Penguatkuasa	Penguatkuasaan Local Authority Ordinance, undang-undang kecil, akta dan peraturan yang berkaitan. • Menyediakan Laporan Penguatkuasaan Mingguan

Bahagian	Fungsi dan Aktiviti Utama
	Mengeluarkan notis dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pesalah yang enggan mematuhi peraturan-peraturan.
Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar	Pengurusan alam sekitar dan kesihatan awam:- - sistem pengumpulan sampah, - penyelenggaraan perparitan dan rumput - pembersihan jalan-jalan - Penguatkuasaan Akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kesihatan awam. Kawalan penyakit berjangkit seperti demam denggi dan wabak lain. - Mengawal kualiti dan keselamatan makanan. - Penyelenggaraan pasar dan tandas awam. Kawalan Perniagaan:- - Memproses permohonan pelbagai lesen perniagaan. - Semakan ke atas pelan-pelan bangunan dan pengeluaran sijil layak menduduki bangunan baru .
Bahagian Pembangunan Komuniti	Pengurusan Program Pembangunan Komuniti:- - Membantu dan memberi sokongan ke atas program dan projek-projek sosial, ekonomi dan alam sekitar yang dimulakan oleh komuniti . - Membantu komuniti mengurus dan mengendalikan perubahan. - Mengubah komuniti tempatan kearah membentuk komuniti yang berdikari dan berdaya maju. - Menggalakkan sukarelawan di kalangan belia. - Memberi peluang dan ruang untuk membentuk kerjasama dan perkongsian diantara komuniti dalam kawasan jagaan majlis. Pengurusan Kemudahan Perpustakaan Awam:-


Bahagian	Fungsi dan Aktiviti Utama
	• Menguruskan perpustakaan awam dan perpustakaan desa / pusat sumber. • Menambah koleksi perpustakaan - buku dan pelbagai bahan bacaan lain. • Memproses permohonan keahlian • Mengemaskini rekod dan inventori perpustakaan. • Klasifikasi buku dan pengkatalogan. • Mengumpul dan menyusun perangkaan yang berkaitan dengan operasi perpustakaan.
Bahagian Khidmat Pengurusan	Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Korporat:- • Pengurusan Rekod dan Fail - Pentadbiran Registri/Bilik Fail dan Bilik Rekod - Pelupusan Rekod Pengurusan Sumber Manusia:- • Perjawatan - Penstruktur Semula - Pengisian Jawatan - Penggredan Semula Jawatan - Pengesahan dalam Jawatan - Perlanjutan tempoh - Skim Perkhidmatan - Pemangkuan, penanggungan kerja - Pengurusan Tatatertib - Persaraan • Pembangunan Sumber Manusia - Perancangan sumber manusia - Latihan dan Pembangunan Kompetensi • Urusetia Mesyuarat Majlis • Pengurusan Mesyuarat - Mesyuarat Majlis Penuh dan Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis

Bahagian	Fungsi dan Aktiviti Utama
	- Mesyuarat Dalaman – Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Staf MDLA, - Mesyuarat Luar Majlis – mesyuarat bersama kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sarawak. • Pembaharuan Pentadbiran, Inovasi dan Transformasi - Pengurusan Piagam Pelanggan - KPI – Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama - Pengurusan Prestasi Balanced Scorecard - Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja - Kumpulan Inovatif dan Kreatif. - Anugerah Perkhidmatan dan Kualiti • Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak • Anugerah Perkhidmatan Pelanggan. - Amalan Persekitaran Berkualiti 5s - Star Rating - Indeks Akauntabiliti • Piawaian International Organization for Standardization (ISO) - Audit Kualiti Dalaman - Tindakan Pembetulan dan Pencegahan - Audit Pemantauan - Kawalan Dokumen dan Data - Kajian Semula Pengurusan. • Pengurusan Strategik - Pemantauan dan penyelarasan Pelan Tindakan Strategik dan KPI. - Semakan dan kaji semula - Penilaian prestasi. • Pembangunan Organisasi.


Bahagian	Fungsi dan Aktiviti Utama
	• Perhubungan Awam - Publisiti, promosi dan protokol • Pengurusan Fasiliti • Pengurusan Pejabat - Perhimpunan Bulanan - Pengurusan Ruang dan Kebersihan Pejabat - Pencegahan Kebakaran - Keselamatan di tempat kerja • Penerbitan Majlis - Laporan Tahunan - Buletin Majlis - Newsletter. • Pengurusan Majlis/Sambutan, Perayaan dan Acara • Pengurusan Perhubungan Pelanggan - Kemudahan Pelanggan - Pengurusan Aduan Awam - Pengurusan Media • Pengurusan Komunikasi Dan Teknologi Maklumat - Keselamatan Teknologi Maklumat - Penggunaan Perkhidmatan internet, email dan perisian. - Laman web Majlis, Pengurusan Kewangan dan Perakaunan:- • Pengurusan Akaun - Pembayaran - Penerimaan • Pengurusan Waran Peruntukkan Tahunan • Pengurusan Belanjawan Dan Dana • Emolumen, elaun. Tuntutan, dan pinjaman kakitangan.

Bahagian	Fungsi dan Aktiviti Utama
	• Pengurusan Aset • Pengurusan Stor

Rajah 1: Carta Organisasi Majlis Daerah Lubok Antu



Rajah 2: Carta Fungsi Majlis Daerah Lubok Antu



BAB 2:

ANALISA PERSEKITARAN



1. Persekitaran Organisasi Majlis Daerah Lubok Antu

Analisa persekitaran organisasi dilakukan untuk menilai persekitaran dalaman dan persekitaran luaran yang ada impak ke atas organisasi Majlis Daerah Lubok Antu. Usaha untuk memahami iklim organisasi (organisational climate) dibuat dengan membuat analisa ke atas persekitaran organisasi dengan menggunakan pendekatan Analisa Kekuatan-Kelemahan-Peluang-Ancaman (Analisa SWOT – Strength, Weaknesses, Opportunity, Threat) dan Analisa Politik-Ekonomi-Sosial-Teknologi-Perundangan-Alam Sekitar (Political, Economic, Social, Technology, Legal, Environmental – PESTLE Analysis. Melalui instrumen ini faktor pemboleh (enabler) dan faktor cabaran (challenges) yang mempengaruhi persekitaran dalaman dan luaran organisasi dikenalpasti.

1.1. Analisa SWOT

Analisa S.W.O.T (Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman) digunakan untuk mengenalpasti pemboleh (enabler) dan cabaran (challenges) yang wujud di dalam dan luar organisasi Majlis Daerah Lubok Antu.

PEMBOLEH (ENABLERS)	CABARAN (CHALLENGES)
Kekuatan	Kelemahan
• Sokongan pengurusan atasan yang baik. • Halatuju strategik yang jelas • Kerjasama dan jaringan Kerja yang baik dengan MDLA dengan PBT lain dan MLGH • Persekitaran Kerja yang memuaskan	• Perubahan dalam kepimpinan atasan. • Sumber kewangan yang terhad. • Kekurangan staf penguatkuasa.
Peluang	Ancaman
• Keakraban perhubungan dengan PBT lain. • Perkongsian Sumber dengan PBT lain. • Peningkatan dalam penggunaan ICT.	• Kekurangan infrastruktur kemudahan dan pembangunan komiti yang bersepadu. • Masalah Sosial • Pembuangan sampah merata tempat.

- Sokongan politik dalam agenda transformasi Majlis

1.2. Analisa P.E.S.T .L.E

Analisa P.E.S.T.L.E (Politik, Ekonomi, Sosial dan Teknologi, Perundangan dan Alam Sekitar). digunakan untuk menilai enam faktor luaran berhubung dengan fungsi dan peranan utama Majlis Daerah Lubok Antu.

PES TLE	PELUANG	CABARAN
Politik	• Ahli Majlis mewakili semua parti politik yang memerintah. • Mendapat sokongan daripada semua wakil rakyat • Mendapat peruntukan Pembangunan Transformasi Luar Bandar (RTP) geran yang disalurkan kepada wakil rakyat.	• Parti-parti pembangkang yang lebih teratur, lebih lantang bersuara dan bermaklumat. • Rakyat lebih mencabar • Campurtangan pihak politik dalam keputusan dan pengurusan operasi Majlis,
Ekonomi	• Program daripada agensi kerajaan atau swasta • Pan-Borneo Highway - menarik banyak peluang pekerjaan, perniagaan dan aktiviti ekonomi • Empangan Batang Ai – berpotensi yang dikenakan cukai oleh Majlis. • Jaringan jalan semain meluas.	• Peningkatan Kadar Inflasi • Kos Penyelenggaraan Meningkat • Hasil Kutipan Cukai yang Berkurangan kerana Polisi Kerajaan
Sosial	• Kadar literasi meningkat. • Peningkatan jumlah penglibatan komuniti dalam aktiviti Majlis • Sokongan komuniti dalam program Majlis meningkat.	• Vandalism

PES TLE	PELUANG	CABARAN
Teknologi	- Sebagai medium untuk menyalurkan maklumat kepada komuniti - Menjadikan perkhidmatan MD Lubok Antu semakin efficient - Peningkatan kawasan liputan dan kelajuan internet dan komunikasi mudah alih.	- Penyalahgunaan ICT - Sikap Tidak Bertanggungjawab (Berita Palsu) - Peningkatan kehendak pelanggan
Legal	Pelbagai undang-undang dapat membantu Majlis menjalankan tugas dengan lebih efektif.	- Kurang pegawai menguatkuasa undang-undang. - Undang-undang yang ketinggalan zaman.
Environment	Menyediakan persekitaran yang mampan dan bersih	- Pembuangan sampah haram - Kekurangan tandas awam - Pencemaran Alam Sekitar - Kurang Kesedaran Orang Awam terhadap Kepekaan Menjaga Alam Sekitar/Sifat Tidak Bertanggungjawab

ANALISA PELANGGAN DAN STAKEHOLDERS



©2021 – Majlis Daerah Lubok Antu [Pelan Strategik 2021 - 2025]

1. Analisa Pelanggan dan Stakeholders

Analisa pelanggan dan stakeholders bertujuan untuk mengenalpasti kumpulan pelanggan dan stakeholders supaya kehendak dan ekspektasi mereka dapat dijangkakan seperti mana yang diharapkan oleh mereka semasa berurusan dengan Majlis Daerah Lubok Antu.

2. Pelanggan

Kumpulan pelanggan dikenalpasti untuk membantu pihak Majlis Daerah Lubok Antu mencadangkan nilai-nilai utama dalam berurusan dengan kumpulan-kumpulan pelanggan tertentu. Enam kumpulan pelanggan utama Majlis Daerah Lubok Antu adalah seperti berikut: -

2.1. Agensi-agensi kerajaan,

Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Daerah Lubok Antu .

2.2. Persatuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Persatuan ini bertindak sebagai satu badan yang mewakili keperluan ahli-ahlinya dan boleh menjadi kumpulan pendesak.

2.3. Pemilik Kediaman Dan Premis Perniagaan

Pemilik premis kediaman dan perniagaan adalah kumpulan pelanggan yang penting kerana mereka juga adalah pembayar cukai.

2.4. Syarikat, perniagaan dan usahawan.

Kumpulan berorientasikan keuntungan yang mengharapkan caj rendah, perkhidmatan yang cepat, boleh dipercayai dan mesra.

2.5. Masyarakat Luar Bandar - kampung-kampung dan rumah panjang

Mengharapkan faedah dan projek mampu mengangkat kualiti hidup mereka.

3. Stakeholders

Stakeholders atau pihak berkepentingan adalah sesiapa yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh dasar, program , projek dan penyampaian perkhidmatan oleh sesuatu organisasi. Mereka boleh berada di dalam atau di luar dan mereka boleh berada pada peringkat tertinggi atau rendah. Bagi Majlis Daerah Lubok Antu , pihak berkepentingan (stakeholders) utama adalah: -

3.1. Kerajaan Negeri Sarawak

Kerajaan Sarawak diketuai oleh Ketua Menteri Sarawak dan Kabinet negeri

3.2. Kerajaan Malaysia

Kerajaan Malaysia secara langsung dan tidak langsung melalui kementerian, jabatan atau agensi kerajaan persekutuan yang menyediakan bantuan dan sokongan kepada pihak majlis.

3.3. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak

Agensi penyelaras dan bertanggungjawab bagi pelaksanaan semua pihak berkuasa tempatan di Sarawak (termasuk Majlis Daerah Lubok Antu).

3.4. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Ketua Perkhidmatan Awam Sarawak mempunyai kuasa untuk mengarahkan semua agensi kerajaan negeri untuk berusaha ke arah perkhidmatan awam yang bertaraf dunia.

3.5. Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen

Sebagai wakil rakyat dan bertanggungjawab untuk membawa transformasi ke kawasan bandar dan luar bandar melalui pelaksanaan program dan projek ekonomi dan sosio-budaya.

3.6. Kaunselor /Ahli Majlis Daerah Lubok Antu .

Ahli-ahli Majlis menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam menetapkan dasar dan membuat keputusan penting yang mempunyai kesan yang besar ke atas operasi Majlis.

3.7. Komuniti dalam kawasan Majlis Daerah Lubok Antu

Komuniti di kawasan bandar dan luar bandar mengharapkan Majlis Daerah Lubok Antu menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, sensitif terhadap keperluan mereka dan proaktif dalam aduan mereka.

3.8. Kakitangan Majlis Daerah Lubok Antu

Pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Lubok Antu mengharapkan sokongan dalam aspek ganjaran dan kebajikan, perkembangan kerjaya, pembangunan kecekapan dan pengurusan bakat mereka.

4. Cadangan Nilai Pelanggan - *Stakeholders*

Cadangan Nilai Pelanggan – Stakeholders (Customer Value Proposition) dibuat untuk menyatakan kehendak, keperluan dan harapan pelanggan dan *stakeholders* terhadap perkhidmatan yang disedia dan disampaikan oleh Majlis Daerah Lubok Antu . Jadual di bawah menghuraikan nilai pelanggan mengikut kumpulan pelanggan/stakeholders Majlis.

Cadangan nilai pelanggan akan menjadi asas dalam merekabentuk ciri-ciri perkhidmatan, penyampaian perkhidmatan , pengurusan perhubungan, projek dan semua aktiviti dalam program Majlis Daerah Lubok Antu dalam masa 5 tahun akan datang.

STAKEHOLDERS/ PELANGGAN	CADANGAN NILAI PELANGGAN
• Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan / Pembuat Dasar	• Perkhidmatan perbandaran Cemerlang • Tadbir Urus yang Baik • Pelaksanaan Projek dan Penyampaian Perkhidmatan yang berorientasikan keperluan pelanggan dan rakyat. • Mengutamakan rakyat dalam membuat keputusan dan penyediaan kemudahan dan pelaksanaan program dan projek. • Keamanan, keharmonian dan kemakmuran.
• Kementerian / Jabatan • Agensi Negeri • Badan Berkanun dan Pihak	• Agensi kerajaan contoh dalam melaksanakan program dan projek transformasi komuniti. • Menyediakan Perkhidmatan Profesional • Mengamalkan kolaborasi strategik yang baik.

STAKEHOLDERS/ PELANGGAN	CADANGAN NILAI PELANGGAN
Berkuasa Tempatan	
• kumpulan Perniagaan dan usahawan • Kumpulan Perdagangan dan kumpulan industri. • Pemilik Projek dan pemaju • Penduduk dan komuniti	• Cepat, dapat dipercayai Perkhidmatan yang berkualiti yang memenuhi atau melebihi angkaan. • Responsif kepada aduan. • Sopan, peramah dan suka menolong.
Staf/Warga Kerja Majlis.	• Menyediakan persekitaran Kerja yang selesa • Perhatin terhadap pembangunan kerjaya,perkhidmatan, Kesihatan dan Kebajikan • Pembangunan dan perkembangan kerjaya • Kualiti hidup bertambah baik.

Nilai pelanggan (dan stakeholders) yang telah dikenalpasti menjadi panduan dalam mereka sistem, proses dan prosedur, merangka pelan tindakan pengurusan pelanggan dan pembangunan bakat kakitangan barisan hadapan Majlis.

BAB 4:

HALATUJU STRATEGIK



“To be “World Class Civil Service” means that we need to continuously improve the standards of our service delivery and adopt and use tools and processes that are used by world class institutions such as Balance Scorecard and Strategic Planning. We must regularly benchmark ourselves with leading organisations in the world and ensure that the level of our service is just as good if not better than them”


*Y.B Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Sempena Majlis Bersama Setiausaha Kerajaan Negeri
20hb Januari 2014*

1. Halatuju Strategik Majlis Daerah Lubok Antu

Penetapan halatuju strategik Majlis Daerah Lubok Antu adalah berdasarkan kepada Model Rangka kerja Pelan Strategik di bawah. Ianya diselaras dan dijajar dengan halatuju strategik Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan, visi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan halatuju strategik Kerajaan Sarawak masakini.

Halatuju strategik telah dirancang melalui proses penyediaan pelan strategik seperti dalam rangkakerja dibawah:-

Rangkakerja Pelan Strategik Majlis Daerah Lubok Antu 2021 – 2025



2. Latar belakang Penetapan Halatuju Strategik

Penetapan halatuju strategik telah diwajibkan dengan halatuju strategik Negeri Sarawak, visi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan visi terkini Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak.

2.1 Halatuju Strategik Kerajaan Sarawak

Halatuju strategik, perspektif dan dasar pembangunan Kerajaan Sarawak yang menjadi input dalam penetapan halatuju strategik Majlis. Input utama yang diambil kira dalam penyediaan halatuju strategik dan pelan tindakan strategik adalah seperti berikut:-

- 2.1.1 Visi Kerajaan Sarawak - *to achieve high income economy and quality of life by 2030.*
- 2.1.2 Fokus pembangunan – *digital government driving digital economy.*
- 2.1.3 Pelan Transformasi Sarawak – perspektif pembangunan Sarawak:-
 - 2.1.3.1 Pelan Transformasi Sosial Ekonomi (Social Economic Transformation Plan)(SETP)
 - 2.1.3.2 Pelan Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Plan) (RTP)
 - 2.1.3.3 Pelan Transformasi Prestasi & Penyampaian Perkhidmatan (Performance & Service Delivery Transformation Plan) (PSDTP)

2.2 Halatuju Strategik Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS)

Visi dan pelan tindakan PANS:-

- 2.2.1 Visi PANS – *World Class Civil Service .*

2.3 Halatuju Strategik Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak.

- 2.3.1 **Visi:-** Persekitaran Hidup Lestari Untuk Semua. (*Sustainable Living Environment for All*)
- 2.3.2 **Misi:** - Kami komited untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti melalui tadbir urus yang baik. (*We are committed to improve the quality of life of our community through good governance*)
- 2.3.3 **Sustainable (Mampan/Lestari)**
Menurut Brundtland Report, United Nation 1987, sustainability atau mampan/lestari bermaksud memenuhi keperluan masakini tanpa berkompromi dengan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri. (*Sustainability – means meeting the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs. – Brundtland Report, United Nation 1987*)

Tiga teras kelestarian (pillars of sustainability) adalah:-

- Kemampanan Persekitaran
Komponen utama dalam kemampanan persekitaran adalah mengekalkan sumber, melindungi alam dan memelihara hidupan liar.
- Sosial
Komponen utama dalam sosial adalah menggalakkan komuniti, membasmi kemiskinan dan memastikan kesaksamaan.
- Ekonomi
Komponen utama adalah dari segi kewangan dapat dilaksanakan, pengurusan jangka panjang dan ekonomi yang seimbang.

Kelestarian/kemampanan melibatkan tindakan memelihara dan mengekalkan. Diantaranya adalah inisiatif 3R Majlis yang melibat kitar semula, guna semula dan pengurangan penggunaan.

2.3.4 Kelestarian Hidup (Sustainable Living)

Konsep kelestarian hidup adalah menekankan pembangunan pertumbuhan masyarakat (societal growth) yang berlandaskan kepada 3 tiang kelestarian dan menitikberatkan aspek memelihara dan mengekalkan persekitaran, sosial dan ekonomi.

3 Visi dan Misi Majlis Daerah Lubok Antu

3.1 Visi:-

